

**PERTUKARAN CARA BAYARAN PENCEN DARI SKIM B
(PESARA PERLU HADIR KE BANK)
KEPADA
SKIM A (PENGKREDITAN AUTOMATIK KE BANK)**

***Nota : Sila Rujuk Kepada Surat Makluman Dan Borang-Borang Yang Dikepilkan**



JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
301 MEDAN TUANKU
JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN
PETI SURAT 13191
50802 KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 20508000
Fax : 03 - 26917564
Website: www.jhev.gov.my

Rujuk Kami : JHEV/BP/T/286 JIL 4 (291)

Bertarikh : 8 April 2009

Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PERTUKARAN CARA BAYARAN PENCEN DARI SKIM B (PESARA PERLU HADIR KE BANK) KEPADA SKIM A (PENKREDITAN AUTOMATIK KE BANK)

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum bahawa pembayaran pencen kepada Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan ketika ini adalah mengikut cara bayaran Skim B di mana Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan atau wakil mesti hadir ke bank setiap bulan untuk menandatangani borang tuntutan sebelum bayaran boleh dikreditkan ke dalam akaun. Keperluan ini adalah kerana Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah penerima pencen tunggal iaitu tiada pihak lain yang akan menerima pencen terbitan selepas ini.

3. Walau bagaimanapun mulai tahun 2009, Jabatan ini akan memberi opsyen kepada semua pesara dan penerima pencen yang sedang dibayar di bawah Skim B untuk menukar kepada cara bayaran pencen di bawah Skim A dengan syarat pesara dan penerima pencen berkenaan bersetuju untuk melantik seorang **WAKIL**. Tanggungjawab utama wakil adalah untuk memaklumkan ke Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dengan segera apabila pesara atau penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain)1982 (PPAT 82) (kerana dipenjarakan atau diisytiharkan bankrap).

4. Untuk Makluman Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan pembayaran pencen melalui Skim A buat masa ini memerlukan pesara atau penerima pencen mempunyai **Akaun Perseorangan**. Syarat-syarat lain serta tanggungjawab wakil adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Dengan pelantikan wakil ini, Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan akan dibayar pencen di bawah Skim A. Kelulusan ini akan berkuat kuasa sehingga wakil tersebut hilang kelayakan atau wakil meninggal dunia atau Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan ingin melantik wakil baru. Tarikh Kuatkuasa pembayaran pencen melalui Skim A akan dimaklumkan secara bertulis oleh Jabatan ini.



MS ISO 9001:2000 REG NO: AR3977

6. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengisi borang yang disertakan iaitu Borang **BQ-BP-07 (A) PINDAAN 0 - Permohonan Pelantikan Wakil Skim A**, sekiranya ingin dibayar dengan cara bayaran pencen Skim A. Sila kembalikan borang berkenaan dengan **seberapa segera** bagi memastikan pembayaran pencen bulan berikutnya boleh di bayar melalui Skim A.

7. Sekiranya Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mempunyai sebarang kemusykilan atau memerlukan penjelasan lanjut mengenai perkara ini, Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai di talian berikut:-

Mej Nor Sham Sinar binti Abd Rahman
Penolong Pengarah 1
Bahagian Pencen
03-20508120

Kapt Rozita binti Mohamed
Penolong Pengarah 4
Bahagian Pencen
03-20508116 / 03-20508126

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(MEJ JEN DATO' ZULKIFLEE BIN MAZLAN)
Ketua Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
Kementerian Pertahanan

- * Syarat-syarat Menjadi Seorang Wakil Diri
- * Borang Permohonan Perlantikan Wakil Skim A

SYARAT-SYARAT MENJADI SEORANG WAKIL DI BAWAH CARA PEMBAYARAN PENCEN SKIM A DAN TANGGUNGJAWAB WAKIL

1. Syarat-syarat Umum

- 1.1 Berumur 21 tahun dan ke atas;
- 1.2 Mestilah seorang warganegara Malaysia; dan
- 1.3 Mestilah bermastautin di suatu alamat di Malaysia.

2. Tanggungjawab Wakil

- 2.1 Memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM dengan segera apabila pesara atau penerima pencen meninggal dunia atau hilang kelayakan bawah PPAT 82 yang berkuatkuasa;
- 2.2 membayar balik pencen yang terlebih bayar akibat daripada kegagalan wakil member maklumat kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM mengenai kematian penerima pencen tunggal dalam masa tujuh hari dari tarikh kematian; dan
- 2.3 Memaklumkan sebarang perubahan alamat dan nombor telefon atau lain-lain maklumat berkaitan pesara, penerima atau wakil kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

3. Pembatalan Pelantikan Sebagai Wakil

Pelantikan sebagai wakil akan terbatal sekiranya:-

- 3.1 Pesara atau penerima pencen:-
 - 3.1.1 melantik wakil baru; atau
 - 3.1.2 meninggal dunia; atau
 - 3.1.3 hilang kelayakan menerima pencen di bawah PPAT 82 kerana dipenjarakan atau diisytihar bankrap.
- 3.2 Wakil hilang taraf kewarganegaraan
- 3.3 Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM berhak untuk membatalkan pelantikan wakil dan meminta pelantikan wakil baru sekiranya wakil asal tidak dapat dihubungi oleh Jabatan ini di alamat dan nombor telefon yang diberi sepanjang pemantauan pembayaran Skim A ini dari semasa ke semasa.
- 3.4 Pembayaran melalui Skim A ini akan terbatal sekiranya syarat-syarat pelantikan tidak dipatuhi di mana cara bayaran pencen Y.Bhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datik/Tuan Puan akan ditukar semula kepada Skim B.



**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
BAHAGIAN PENCEN**
Tingkat 8, Menara TH Perdana, 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03 - 2050 8000 Fax: 03 - 2698 4850

BORANG PERMOHONAN PELANTIKAN WAKIL (SKIM A)

ARAHAN

1. Sila isikan borang ini dengan dakwat **HITAM / BIRU**.
2. Sila gunakan "**HURUF BESAR**".
3. Sila lampirkan satu (1) salinan Kad Pengenalan Wakil yang disahkan.
4. Kelulusan Permohonan Pelantikan Wakil ini akan membatalkan Kelulusan Wakil Diri yang pernah dibuat.
5. Permohonan ini terbuka kepada semua pesara / penerima pencen SKIM B dengan **AKAUN BANK PERSEORANGAN** sahaja.
6. Borang permohonan ini hendaklah diisi bagi setiap akaun pencen sekiranya lebih daripada satu pencen diterima.

A. MAKLUMAT PESARA / PENERIMA PENCEN

1. Nama :
2. No Kad Pengenalan Baru : 3. No Kad Pengenalan Lama :
4. No Tentera : 5. No. Tel :
6. Nama Bank :
7. No. Akaun Bank :
8. Alamat Pesara / Penerima Pencen :

Saya seperti nama di atas bersetuju untuk melantik wakil seperti di B sebagai wakil bagi maksud menukar cara bayaran pencen Skim B kepada Skim A dan mengambil maklum bahawa kelulusan wakil diri sebelum ini akan terbatal dengan pelantikan wakil baru ini.

Tandatangan atau cap ibu jari kanan pesara
/ penerima pencen

Tarikh

B. MAKLUMAT WAKIL

1. Nama :
2. No Kad Pengenalan Baru : 3. No Kad Pengenalan Lama :
4. Tarikh Lahir : 5. No. Tel :
6. Alamat :
7. Hubungan :

Saya seperti nama di B telah pun membaca dan memahami syarat-syarat pelantikan serta tanggungjawab sebagai wakil kepada pesara / penerima pencen seperti di A.

Tandatangan atau cap ibu jari kanan wakil

Tarikh

Catatan :-

- * **Pesara / penerima pencen dinasihatkan supaya menghantar borang ini menggunakan pos berdaftar.**
- * **Sekiranya pesara / penerima pencen ingin menukar akaun bank, sila sertakan salinan akaun bank tersebut.**

PANDUAN MENGISI BORANG BQ-BP-03

a) Ruangan Nama dan Alamat

- ✓ Sila isikan nama dan alamat jika anda adalah Pesara/ Penerima Pencen, Balu,Duda, Anak dan Penjaga Anak.

b) Ruangan Nombor Tentera

- ✓ Sila isikan nombor tentera pesara.

c) Ruangan A – Maklumat Kad Pengenalan Pesara/ Penerima Pencen

- ✓ Sila isikan No Kad Pengenalan (Lama) dan (Baru)

d) Ruangan B – Maklumat Akaun Bank

- ✓ No Akaun – sila isikan no akaun bank yang lengkap
- ✓ Jenis Akaun – diisi oleh pegawai bank
- ✓ Status akaun – diisi oleh pegawai bank
- ✓ Nama dan Alamat Bank – diisi oleh pegawai bank
- ✓ Pengesahan Pegawai Bank – ditandatangani, nama pegawai, cop jawatan dan tarikh oleh Pegawai Bank berkenaan

e) Ruangan C – Pengakuan Oleh Pesara/ Penerima Pencen

- ✓ Tandatangan atau cap ibu jari kiri dan tarikh diisi oleh pesara/ penerima pencen

PERINGATAN

** Sila sertakan 2 salinan fotostat akaun bank atau pengesahan akaun dari pihak bank bagi yang tidak mempunyai buku akaun.



JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (BAHAGIAN PENCEN)
Borang Penyertaan Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank

| | | |
|---|---|---|
| Nama & Alamat <div style="border: 1px solid black; height: 80px; width: 450px;"></div> | <u>Untuk Kegunaan Pejabat</u> | |
| | Skim | <input type="checkbox"/> A <input type="checkbox"/> B |
| Nombor Tentera | Kod Bank <input type="text"/> | |
| Rujukan Fail | Tarikh Menyertai Skim Hari <input type="text"/> <input type="text"/> Bulan <input type="text"/> <input type="text"/> Tahun <input type="text"/> <input type="text"/> | |
| | Jenis Bayaran | <input type="text"/> |
| | Bulan Pembaharuan | <input type="text"/> |

ARAHAN SEBELUM MENGISI BORANG

- Sila baca risalah mengenai Sistem Pembayaran Pencen Melalui Bank dan rujuk Panduan Mengisi Borang di muka sebelah mengenai cara-cara mengisi borang .
- Isikan maklumat dengan tulisan huruf besar yang jelas menggunakan pen hitam / biru.

A. MAKLUMAT KAD PENGENALAN BALU / DUDA / PENJAGA ANAK / PENERIMA PENCEN

- No Kad Pengenalan (Lama)
- No Kad Pengenalan (Baru)

B. MAKLUMAT AKAUN BANK

- | | |
|--|-------------------------|
| 3. No Akaun : (Isikan No Akaun Bank yang lengkap) <input type="text"/> | 6. Nama dan Alamat Bank |
| 4. Jenis Akaun : <input type="text"/> <input type="text"/> 01 = Simpanan 02 = Giro 03 = Semasa | |
| 5. Status Akaun: <input type="text"/> <input type="text"/> 01 = Perseorangan 02 = Bersama | |

- Pengesahan Pegawai Bank . Saya mengesahkan butir-butir akaun di atas adalah lengkap dan betul .

Tandatangan : _____ Cop Jawatan Pegawai Bank : _____
Nama : _____ Tarikh : _____

C. PENGAKUAN OLEH BALU / DUDA / PENJAGA ANAK / PENERIMA PENCEN

Saya mengaku bahawa maklumat dalam borang ini adalah betul dan benar .

Tandatangan atau cap ibu jari kiri pesara/ penerima pencen

Tarikh

Sila kembalikan ke alamat di bawah :

JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
BAHAGIAN PENCEN
TINGKAT 8 , MENARA TH PERDANA
1001, JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR

No Tel : 03-20508000 Samb 8119 / 8126

SENARAI KOD BANK YANG MENYERTAI SISTEM PEMBAYARAN PENCEN MELALUI BANK

DIGIT KOD BANK SKIM A DAN SKIM B

| | | |
|----|----|-------------------------------|
| 10 | 01 | Bumiputra Commerce Bank Bhd |
| 14 | 02 | Malayan Banking Bhd |
| 10 | 03 | Bank Simpanan Nasional |
| 11 | 04 | Affin Bank Bhd |
| 14 | 06 | RHB Bank Bhd |
| 16 | 07 | Public Bank Bhd |
| 16 | 08 | Bank Islam Malaysia Bhd |
| 12 | 10 | HSBC Bank Bhd |
| 12 | 16 | EON Bank Bhd |
| 11 | 20 | Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd |
| 11 | 21 | Bank Muamalat Malaysia Bhd |
| 12 | 22 | Hong Leong Finance Bhd |
| 13 | 23 | CIMB Bank Berhad |

Catatan:

1. Hanya akaun perseorangan sahaja dibenarkan.
2. Akaun yang tidak dibenarkan BSN (AL-Wadiah) dan CIMB Bank Islamic.